

MINGGU 03

RUKUN HAJI:

NIAT IHRAM, WUQUF DAN TAWAF



*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran*

TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu ya Allah,
Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu, Hamba-Mu datang
menyahut panggilan-Mu, Tuhan yang tiada sekutu bagi-Mu, Hamba-Mu
datang menyahut panggilan-Mu, Sesungguhnya segala puji dan nikmat
dan kerajaan adalah kepunyaan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu.

NOTA

Bertalbiah disunatkan selepas niat hingga sebelum memulakan
Tawaf bagi Umrah dan sebelum melontar Jamrah Kubra/Tawaf Haji.

OBJEKTIF

- 1 Membezakan rukun dan wajib Haji.**
- 2 Menjelaskan tentang niat ihram, pengertian miqat dan cara pemakaian ihram.**
- 3 Menjelaskan maksud wuquf di Arafah dan syarat-syarat sah wuquf.**
- 4 Menjelaskan tentang tawaf, syarat sah dan cara melaksanakannya.**

ISI KANDUNGAN**1****Pengertian Rukun Haji dan Wajib Haji****2****Rukun Haji 1: Niat Ihram Haji**

- ▶ Pengertian Niat
- ▶ Bulan-bulan Haji
- ▶ Lafaz Niat Haji

3**Rukun Haji 2: Wuquf di Arafah**

- ▶ Pengertian Wuquf
- ▶ Waktu Wuquf
- ▶ Syarat Sah Wuquf
- ▶ Amalan Sunat Ketika Wuquf


4**Rukun Haji 3: Tawaf**

- ▶ Pengertian Tawaf
- ▶ Jenis-jenis Tawaf
- ▶ Syarat Sah Tawaf
- ▶ Amalan Sunat Ketika Tawaf

PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB Haji

PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

- ▶ Rukun Haji ialah perkara asas yang mesti dilakukan oleh jemaah haji ketika menunaikan haji.
- ▶ Jika tidak dilakukan, haji seseorang **tidak sah/tidak sempurna** dan masih terikat dengan **larangan ihram**.



PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

ENAM (6) RUKUN HAJI

1

Niat ihram Haji



2

Wuqf di Arafah



3

Tawaf di Kaabah



Sa'ie di antara Bukit Safa dan Marwah



4

**Bergunting/
bercukur rambut**



5

**Tertib pada
kebanyakan rukun**

6

PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

PENGERTIAN WAJIB HAJI

- 
- ▶ Wajib Haji ialah perkara yang wajib dilakukan ketika mengerjakan haji.
 - ▶ Jika **tidak** mengerjakan salah satu daripadanya, **haji tersebut tetap sah** tetapi **dikenakan dam** menurut syarat-syaratnya dan berdosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja.

PENGERTIAN RUKUN HAJI DAN WAJIB HAJI

ENAM (6) WAJIB HAJI

1

Niat ihram di Miqat*

2

Meninggalkan perkara
larangan dalam masa ihram

3

Bermalam (mabit)
di Muzdalifah

4

Melontor Jamrah Kubra
pada 10 Zulhijjah

5

Bermalam (mabit) di Mina
pada 11, 12 & 13 Zulhijjah
(Hari Tasyriq)

6

Melontar ketiga-tiga
Jamarat pada Hari Tasyriq

NOTA

*Niat Ihram hendaklah di Miqat atau sebelumnya.
Setelah Niat Ihram mestilah jaga larangan dalam ihram.

RUKUN HAJI 1: NIAT IHRAM HAJI

RUKUN HAJI 1: NIAT IHRAM HAJI**PENGERTIAN NIAT**

Pengertian dan Tujuan Niat Haji


**Definisi
Niat Haji**

Kehendak (qasad) hati untuk mengerjakan ibadat Haji. Manakala melafazkan niat adalah sunat.

**Tujuan
Niat Haji**

Untuk menyatakan keikhlasan serta kesungguhan hati dalam menunaikan ibadat Haji kerana Allah semata-mata.

NOTA Niat hendaklah dilakukan di miqat atau sebelumnya.

RUKUN HAJI 1: NIAT IHRAM HAJI**BULAN-BULAN NIAT**

**Sebelum
terbit fajar
10 Zulhijjah**

Jemaah hendaklah berniat haji dalam tempoh:

- ▶ **1 Syawal sehingga terbit fajar 10 Zulhijjah. Inilah yang dinamakan bulan-bulan Haji.**
- ▶ **Niat ihram Haji jika dilakukan di luar bulan-bulan Haji adalah tidak sah dan menjadi ihram umrah.**

RUKUN HAJI 1: NIAT IHRAM HAJI

LAFAZ NIAT HAJI

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku mengerjakan haji dan aku berihram dengannya kerana Allah taala.



RUKUN HAJI 2: WUQUF DI ARAFAH

RUKUN HAJI 2: WUQUF DI ARAFAH

PENGERTIAN NIAT

Sabda Nabi Muhammad S.A.W.:

الْحَجُّ عَرَفَةٌ

Maksudnya: Haji itu Arafah

- Hadis Riwayat Ahmad, Abu Daud Tarmizi
dan an-Nasai

Wuquf di Arafah merupakan asas utama haji dan rukun yang terpenting. Barangsiapa meninggalkannya, maka tiada haji baginya.


RUKUN HAJI 2: WUQUF DI ARAFAH**WAKTU WUQUF**

Berada di Arafah walaupun seketika dalam sebarang keadaan bermula daripada gelincir matahari (masuk waktu Zuhur) 9 Zulhijjah sehingga terbit fajar (masuk waktu Subuh) 10 Zulhijjah.


**KHUTBAH ARAFAH****BERDOA****NOTA**

Waktu afdhal berwuquf adalah sebahagian daripada siang 9 Zulhijjah dan sebahagian daripada malam 10 Zulhijjah.

RUKUN HAJI 2: WUQUF DI ARAFAH



RUKUN HAJI 2: WUQUF DI ARAFAH



MINGGU
03

Rukun Haji: Niat Ihram, Wuquf dan Tawaf

18

RUKUN HAJI 2: WUQUF DI ARAFAH

KHEMAH DI ARAFAH



TABUNG HAJI
حي علم الفلاح



**MALAYSIA
MADANI**



Tabung Haji



www.tabunghaji.gov.my



+603-6207 1919

RUKUN HAJI 2: WUQUF DI ARAFAH

SYARAT SAH WUQUF

- ▶ **Telah berihram dengan niat haji.**
- ▶ **Dalam keadaan seorang yang layak menunaikan ibadat (tidak gila, pengsan, mabuk dan hilang akal sepanjang masa wuquf).**
- ▶ **Berada di Arafah walau seketika dalam waktu wuquf.**

RUKUN HAJI 2: WUQUF DI ARAFAH

AMALAN SUNAT KETIKA WUQUF

Bertalbiah

**Membaca
al-Quran**

**Fokus kepada
ibadat**

**Solat
berjemaah**

**Antara
amalan yang
disunatkan
semasa
berwuquf:**

**Berdoa, berselawat,
beristighfar & berzikir**

**Tolong-menolong
sesama manusia**

**Sentiasa dalam
keadaan berwuduk**

** Tidak disunatkan berpuasa bagi orang yang wuquf di Arafah.*

RUKUN HAJI 3: TAWAF

RUKUN HAJI 3: TAWAF

PENGERTIAN TAWAF

Tawaf ialah mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh (7) pusingan bermula dari sudut Hajar al-Aswad dan berakhir pada sudut yang sama menurut syarat-syaratnya.




... وَلَيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ ٢٩

"... Dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu."

Surah al-Hajj: ayat 29

RUKUN HAJI 3: TAWAF

JENIS-JENIS TAWAF



RUKUN HAJI 3: TAWAF

HUKUM NIAT TAWAF

1. WAJIB berniat tawaf bagi tawaf berikut:

Tawaf Sunat	Tawaf Wada'	Tawaf Nazar	Tawaf Tahallul	Tawaf Tahiyyat al-Bait	Tawaf Qudum (bagi jemaah yang ziarah sahaja)
-------------	-------------	-------------	----------------	------------------------	---

2. SUNAT berniat bagi tawaf berikut:

Tawaf Umrah	Tawaf Haji	Tawaf Qudum (bagi jemaah Ifrad dan Qiran)
-------------	------------	--

3. Contoh lafaz niat:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوْفَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافٍ..... لِلَّهِ تَعَالَى

“Ya Allah aku hendak Tawaf Baitullah al-Haram tujuh keliling Tawaf.... kerana Allah Taala.”


RUKUN HAJI 3: TAWAF

SYARAT SAH TAWAF

- 1** Menutup aurat
- 2** Suci daripada hadas besar dan kecil (mandi wajib dan ada wuduk)
- 3** Suci badan atau pakaian atau tempat tawaf daripada najis
- 4** Bermula dan berakhir pada sudut Hajar al-Aswad
- 5** Menjadikan Baitullah di sebelah kiri dan berjalan ke hadapan
- 6** Dilakukan dalam Masjid al-Haram dan di luar Kaabah, Hajar Ismail serta Syazarwan
- 7** Mengekalkan niat tawaf
- 8** Cukup tujuh (7) pusingan dengan yakin

RUKUN HAJI 3: TAWAF**SYARAT SAH TAWAF****1 Menutup aurat (bagi lelaki)**

- Aurat bagi lelaki adalah antara pusat hingga lutut.
- Sunat beridhtiba' ketika tawaf dan sa'ie.



RUKUN HAJI 3: TAWAF**SYARAT SAH TAWAF****1 Menutup aurat (bagi wanita)**

- **Had aurat wanita: Seluruh tubuh badan kecuali muka dan tapak tangan hadapan dan belakang termasuklah perkara berikut:**
 - aurat di bawah dagu
 - pergelangan tangan
 - kaki
 - anak rambut



RUKUN HAJI 3: TAWAF**SYARAT SAH TAWAF****2**

Suci daripada hadas kecil dan besar (berwuduk dan mandi wajib)

Isu berbangkit: Wuduk semasa di tanah suci.

- **Pandangan yang kuat (Masyhur) Mazhab Syafi'e: Bersentuhan lelaki dengan perempuan yang halal nikah tanpa lapik membatalkan wuduk.**
- **Namun, resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-21 dan 22, tidak batal wuduk sekiranya bersentuhan di tanah suci.**



RUKUN HAJI 3: TAWAF**SYARAT SAH TAWAF****//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI**

Dalam isu batal wuduk ketika mengerjakan tawaf, masalahat jemaah haji dapat dijamin, masyaqqah dan haraj mereka seperti kesesakan di tempat tawaf yang boleh menyebabkan berlaku persentuhan lelaki dan perempuan, ianya dapat dihindarkan dengan beralih dari pendapat Syafi'e yang masyhur dan berpegang kepada pendapat marjuh dalam Mazhab Syafi'e.

***RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-21 dan 22.**

NOTA

Masyaqqah/Haraj: Kesukaran
Masyhur: Kuat, Marjuh: Lemah

RUKUN HAJI 3: TAWAF

SYARAT SAH TAWAF

2

Suci daripada hadas kecil dan besar (berwuduk dan mandi wajib)

- Resolusi MHPK ke-21 dan ke-22 diguna pakai ketika: Bermula dari keluar bangunan penginapan seterusnya hingga ketika di dalam Masjid al-Haram atau Masjid Nabawi.
- Ketika berada dalam keadaan *masyaqqah* seperti menaiki pesawat atau bas sepanjang tempoh mengerjakan haji/umrah sahaja.

NOTA

Sah digunakan di Tanah Suci untuk tawaf dan sebagainya selagi wuduk tidak terbatal mengikut Mazhab Syafi'e. Contohnya, seperti keluar angin daripada qubul atau dubur.

RUKUN HAJI 3: TAWAF**SYARAT SAH TAWAF****3****Suci badan/pakaian/tempat tawaf daripada najis****NOTA**

Jemaah Haji hendaklah berhati-hati dengan najis yang terdapat pada:



Selipar yang dibawa bersama semasa tawaf



Pakaian yang bernajis
(seperti tahi burung yang jatuh semasa tawaf)

RUKUN HAJI 3: TAWAF

SYARAT SAH TAWAF

3 Suci badan/pakaian/tempat tawaf daripada najis

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Keringanan dan pengecualian diberikan kepada mukallaf yang terlibat dalam situasi umum al-balwa adalah bertujuan menghilangkan kesulitan, kesukaran yang membebankan dan darar daripada mukallaf dan bukanlah jalan untuk menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-31.

RUKUN HAJI 3: TAWAF**SYARAT SAH TAWAF**

3 Suci badan/pakaian/tempat tawaf daripada najis

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI


Di musim haji banyak berlaku kesesakan dan ini menyebabkan kesukaran bagi jemaah haji untuk mengelak daripada terkena najis seperti najis burung, debu bernajis dan percikan air bernajis di jalanan. Oleh itu, ibadat jemaah haji tersebut adalah sah kerana ia termasuk dalam kategori najis yang dimaafkan.

***RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-31.**

SYARAT SAH TAWAF

4

Bermula dan berakhir pada sudut Hajar al-Aswad.



Kawasan yang diharuskan bermula dan berakhir Tawaf

Lampu Hijau
Pada bangunan masjid

RUKUN HAJI 3: TAWAF

SYARAT SAH TAWAF

- Menjadikan Baitullah di sebelah kiri dan berjalan ke hadapan.


NOTA

Sekiranya menaiki *buggy*, pastikan duduk menghadap ke hadapan.



RUKUN HAJI 3: TAWAF

SYARAT SAH TAWAF




6 Dilakukan dalam Masjid al-Haram dan di luar Kaabah, Hijr Ismail serta Syazarwan.

Syazarwan ialah binaan tembok kecil yang terletak di bahagian dinding kaki Kaabah.

RUKUN HAJI 3: TAWAF

SYARAT SAH TAWAF



7 Mengekalkan niat Tawaf.

8 Cukup 7 pusingan dengan yakin.

RUKUN HAJI 3: TAWAF

AMALAN SUNAT KETIKA TAWAF

Berjalan kaki

1

Mengucup Hajar al-Aswad pada permulaan Tawaf

3

Istilam/Isyarat Istilam ke arah Hajar al-Aswad sambil bertakbir lalu mengucup tapak tangan

5

Muwalat/ berturut-turut tujuh (7) kali pusingan

7

Membaca al-Quran, zikir dan doa

9

2

Beridhtiba' bagi tawaf diiringi dengan sa'ie (lelaki)

4

Melakukan Ramal (berlari anak) pada 3 pusingan pertama, bagi tawaf yang diikuti dengan sa'ie (lelaki)

6

Istilam/Isyarat Istilam ke arah Rukun Yamani sambil bertakbir tanpa perlu mengucup tapak tangan

8

Tawaf dengan khusyu' dan tawadhu'

10

Mendirikan solat sunat tawaf

RUKUN HAJI 3: TAWAF

PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN TAWAF

1. Terbuka aurat dengan sengaja.
2. Menyentuh Kaabah/kelambunya termasuk Syazarwan.
3. Terpesong niat seperti mencari kawan dan merakam video (sehingga terlupa atau tidak menjaga syarat sah tawaf).
4. Menyentuh atau memasuki Hjr Ismail.
5. Tidak yakin tujuh (7) pusingan tanpa menambah satu pusingan untuk menyakinkan.
(sila tambah satu pusingan jika ragu-ragu sama ada telah cukup 7 atau tidak)
6. Belum cukup tujuh (7) pusingan - kemudian terus sa'ie dan bergunting - kerana dibimbangi ditinggalkan kawan/isteri/suami.
7. Beralih bahu sehingga tidak mengirikan Kaabah.
8. Berhadas (kecil atau besar).

KESIMPULAN

1

Niat ihram Haji adalah rukun pertama yang perlu dilakukan pada masa dan tempatnya yang tertentu (miqat).

3

Wuquf di Arafah adalah kemuncak ibadat Haji yang mempunyai masa dan lokasi yang ditetapkan.

Lelaki wajib memakai pakaian ihram sebelum berniat ihram.

2

Tawaf mempunyai syarat-syarat tertentu yang perlu dilakukan dengan betul supaya ianya sah menurut syarak.

4

DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا
مَشْكُورًا وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا وَتِجَارَةً لَنْ تَبُورَ

Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.

*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan Kemabruran*

SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T
KESABARAN & KETENANGAN
SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK
GANJARAN

*Haji Yang Mabror &
Umrah Yang Maqbulah*